



KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



LAPORAN PROJEK AKHIR  
MENGKAJI TAHAP KEMUDAHAN PARKIR KERETA DI  
HOSPITAL SHAH ALAM DAN HOSPITAL SUNGAI BULOH.

OLEH

SITI WARDINA BINTI AHMAD FAIZAL

08DPB20F2002

PROGRAM DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN  
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM  
POLITEKNIK PREMIER SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
SHAH ALAM, SELANGOR

SESI 2 2022/2023



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**



## **LAPORAN PROJEK AKHIR**

**SESI II 2022/2023**

### **AHLI KUMPULAN :**

- |   |                     |
|---|---------------------|
| <b>1. SITI WARDINA BINTI AHMAD FAIZAL</b> | <b>08DPB20F2002</b> |
| <b>2. NURUL ANIS BINTI SAHWALUDIN</b>     | <b>08DPB20F2001</b> |


### **PENYELIA:**

**PUAN ROSIDA BINTI AHMAD**

**DIPLOMA KEJURUTERAAN PERKHIDMATAN BANGUNAN**  
**JABATAN KEJURUTERAAN AWAM**

## **PERAKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK**

“Kami akui karya ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah kami jelaskan sumbernya”

Tandatangan : 


Nama Penulis : Siti Wardina Binti Ahmad Faizal

No Matriks : 08DPB20F2002

Tarikh : 21 JUN 2023

## **PENGESAHAN PENYELIA**

“Saya akui bahawa saya telah membaca laporan ini dan pada pandangan saya laporan ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk penganugerahan Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan”

Tandatangan : 

Nama : Puan Rosida Binti Ahmad

Tarikh : 21 JUN 2023

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianNya telah memberi kekuatan kepada kami dalam menyiapkan projek ini. Terlebih dahulu kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Sarah Afzan Binti Abd Karim selaku penyelia di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang kami menyempurnakan tugas dan laporan ini.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga dirakamkan kepada beliau atas segala dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan laporan ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan telah banyak membantu kepada kejayaan laporan ini. Kami amat menghargai keprihatinan beliau yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyeliaan sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklum balas daripada beliau yang meyakinkan amat membantu untuk menyempurnakan laporan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberi kepada semua pensyarah Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan yang sentiasa memberi bantuan dan kerjasama sepanjang tempoh pengajian kami di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Ucapan terima kasih juga kepada keluarga dan rakan-rakan yang menjadi pembakar semangat dan tidak jemu memberi pendapat dan kritikan sepanjang projek ini dijalankan. Tidak dilupakan juga kepada pihak-pihak yang terlibat seperti pengusaha Kilang Master Wan Batik serta Jabatan Alam Sekitar dalam memberikan kerjasama dan melancarkan perjalanan projek kami di dalam urusan penulisan kajian kami. Dorongan dan sokongan dari semua pihak menjadi tulang belakang

kepada kami untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya. Semoga projek yang dibangun ini dapat memberi manfaat kepada orang awam.

Sekali lagi kami memanjatkan doa kesyukuran ke hadrat Ilahi, agar segala usaha yang disumbangkan diberkati oleh Allah S.W.T di dunia dan akhirat. Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Masalah kekurangan tempat parkir kereta di kebanyakan hospital di Malaysia bukanlah satu isu yang baharu. Kekurangan tempat parkir di hospital ini menyebabkan para pengunjung mengambil masa yang lama untuk mendapatkan parkiri berbanding dengan masa mereka berurusan di hospital. Jika mereka parkir di tempat yang tidak dibenarkan kerana parkir telah penuh, mereka akan disaman oleh Pihak Berkuasa Tempatan pula. Keadaan ini berlaku diantaranya kerana jumlah lot parkir yang disediakan tidak mencukupi untuk menampung jumlah pesakit dan pengunjung yang semakin hari semakin meningkat. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang tahap kepuasan pengguna parkir kereta di dua buah hospital yang dipilih iaitu Hospital Shah Alam dan Hospital Sungai Buloh. Bagi mendapatkan maklumat tentang kajian, beberapa lawatan telah dilakukan ke lokasi kajian. Selain itu, kaedah rujukan bahan ilmiah turut digunakan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci seperti buku, jurnal serta artikel berkaitan tajuk kajian ini. Beberapa cadangan untuk penambahbaikan sistem pengurusan parkir di hospital juga telah dikemukakan. Antaranya ialah menyediakan ruang parkir bertingkat yang boleh menyediakan ruang parkir yang banyak kepada para pesakit, kakitangan dan pengunjung hospital.

## **ABSTRACT**

The problem of lack of car parking spaces in most hospitals in Malaysia is not a new issue. The lack of parking spaces at the hospital causes visitors to take a long time to find a parking space compared to the time they spend dealing with the hospital. If they park in an unauthorized place because the parking lot is full, they will be sued by the Local Authority. This situation happens because the number of parking lots provided is not enough to accommodate the number of patients and visitors that are increasing day by day. Therefore, this study was conducted to obtain information about the level of satisfaction of car park users at two selected hospitals, namely Shah Alam Hospital and Sungai Buloh Hospital. In order to obtain information about the study, several visits were made to the study location. In addition, the reference method of scientific materials is also used to obtain more detailed information such as books, journals and articles related to the topic of this study. Some suggestions for improving the parking management system at the hospital have also been submitted. Among them is providing a multi-storey parking space that can provide ample parking space for patients, staff and visitors to the hospital.

**SENARAI KANDUNGAN LAPORAN AKHIR PROJEK DIPLOMA  
PERKHIDMATAN BANGUNAN**

<b>BAB</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PERAKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK</b>	I - II
	<b>PENGHARGAAN</b>	III
	<b>ABSTRAK</b>	IV – V
	<b>SENARAI JADUAL</b>	
	<b>SENARAI GRAF</b>	
	<b>SENARAI CARTA</b>	
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
	1.1 Pendahuluan	1-2
	1.2 Latar Belakang Kajian	3
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Skop Kajian	5
	1.6 Persoalan Kajian	5
	1.7 Kepentingan Kajian	6
	1.8 Rumusan Bab	7
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
	2.1 Pengenalan	8
	2.2 Isu-Isu Semasa	13 - 19
	2.3 Maksud Tempat	
	Letak Kereta	20 - 22
	2.4 Reka Bentuk dan	
	Ciri-ciri tempat	
	Letak Kereta	23



2.5	Bentuk-bentuk Penyediaan Tempat Letak Kereta	14
2.6	Ciri-ciri Khas Petak Parkir	15-17
2.7	Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan	18
2.8	Tujuan Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan	19

<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	20
3.2	Reka Bentuk Kajian	21
3.3	Carta Alir	22-23
3.4	Kumpulan Sasaran	24
3.5	Kaedah Soal Selidik	24
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	25
3.7	Rumusan Bab	26
<b>BAB 4</b>	<b>HASIL DAPATAN</b>	
4.1	Pengenalan	27
4.2	Kaedah Kuantitatif	27
4.3	Pengumpulan Data	27
4.4	Kaedah Kualitatif	28
4.5	Tinjauan Ke Kawasan Kajian	29
4.6	Bahagian A : Sosiodemografi Responden	30-31
4.7	Bahagian B : Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Kemudahan Fasiliti Parkir	32-34
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	35
5.2	Cadangan	35
5.3	Kesimpulan	36
5.4	Kesimpulan	36
	 <b>A. RUJUKAN</b>	 38
	<b>B. LAMPIRAN</b>	39



## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1                      Jadual Bilangan Responden

## **SENARAI CARTA**

Carta 1                      Peringkat Pertama Perlaksanaan Projek Kajian

Carta 2                      Peringkat Kedua (Reka Bnetuk)

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Akhir-akhir ini masalah tempat letak kenderaan semakin meruncing di hospital Malaysia. Mana-mana hospital besar negeri, tempat letak kereta menjadi masalah besar bagi waris pesakit meletakkan kenderaan masing-masing. Bukan sahaja ruang yang sangat terhad tetapi membuang masa dan minyak hampir sejam dua ekoran terpaksa berpusing berulang kali mencari ruang kosong.

Kesesakan tempat letak kereta kenderaan hanyalah petanda kepada masalah yang lebih kronik. Ada yang sanggup mencari celah ruang kosong walaupun terpaksa berhimpit, atau meletak kereta di kawasan yang tidak dibenarkan yang mungkin berdepan saman oleh pihak majlis. Selain itu, hanya sekadar lima minit untuk menemui doktor, pesakit terpaksa beratur panjang untuk mengambil nombor dan menunggu giliran hampir sejam. Lebih mengecewakan apabila kembali ke kereta didapati kertas saman sudah dilekatkan oleh pihak berkuasa di cermin hadapan, gara-gara meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak dibenarkan. Tiada pilihan, ada juga yang terpaksa meletak kereta di kawasan berbayar, namun masih juga penuh dan sesak. Itulah situasi yang terpaksa dialami orang ramai yang berurusan di beberapa hospital di sekitar Lembah Klang, iaitu kekurangan tempat meletakkan kenderaan. Antara paling kritikal ialah Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Serdang, Hospital Kajang Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HCTM) dan Hospital Putrajaya.

Ditambah pula, ramai kakitangan memandu sendiri kenderaan menyebabkan jumlah parkir semakin berkurangan. Mahu tidak mahu, pengguna tiada pilihan terpaksa meletakkan kenderaan mereka di sepanjang bahu jalan, walaupun mengetahui perbuatan itu menyalahi undang-undang. Mereka boleh dikenakan saman mengikut Seksyen 48 Akta Pengangkutan

Jalan 1987 kerana menyebabkan bahaya, halangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas.

Di bawah Seksyen 48(1) APJ 1987, mana-mana pemandu yang meletakkan kenderaan mereka dengan cara yang menyusahkan orang lain atau yang menghalang pengguna lain melakukan satu kesalahan boleh dihukum denda sekurang-kurangnya RM1,000 dan/atau penjara sekurang-kurangnya satu tahun.

Hal ini, diakui oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin sendiri apabila beliau menerima banyak aduan mengenai masalah tempat letak kereta di beberapa hospital dalam negara. Beliau mengaku menerima banyak aduan berkenaan masalah itu sejak dilantik menjawat jawatan portfolio berkenaan. Walhal, hakikatnya adalah masalah ini perlu ditangani dengan berhemah melalui pendekatan yang bersepadu oleh semua pihak; terutamanya kerajaan dan termasuklah rakyat sendiri.

Oleh itu, berikut adalah langkah-langkah yang dicadangkan kepada kerajaan agar diberi perhatian segera moga-moga tidak terlalu gopoh memeras keringat rakyat atas kealpaan selama ini. Pertamanya perlu disedari bahawa tidak semua pesakit memerlukan rawatan di hospital. Dengan wujudnya klinik desa, klinik kesihatan, klinik 1 Malaysia serta klinik swasta di setiap pelosok kota dan pekan, maka perlu wujud satu bentuk komunikasi yang berkesan dan kepercayaan yang utuh di antara perkhidmatan perubatan di hospital dan perkhidmatan kesihatan di komuniti. Seandainya pesakit dimasukkan ke hospital, rawatan seterusnya akan dipanjangkan secara khusus kepada doktor peribadi tersebut di komuniti.

Kerajaan perlu mewujudkan sistem yang membolehkan doktor di hospital dan di komuniti saling berganding bahu bagi memastikan rawatan perubatan dapat diberikan dengan berkesan, berterusan dan sesuai dengan keadaan sosioekonomi pesakit tersebut. Dengan itu, walaupun pesakit tidak hadir secara fizikal, namun rawatan yang diberikan di komuniti adalah optimum persis rawatan pakar di hospital.

Kedua, kerajaan perlu memastikan sistem temujanji berperingkat ataupun 'staggered appointment' benar-benar dilaksanakan di semua klinik dan hospital kerana temujanji kepada pesakit adalah satu komitmen kepada kesihatan dan kualiti hidup mereka. Setiap temujanji perlu diberikan dengan penuh kebertanggungjawaban dan kesediaan untuk menyediakan sesi rawatan yang berkualiti. Temujanji yang berkesan serta rancangan rawatan yang jelas dan berkesinambungan mampu untuk mengurangkan lawatan pesakit ke hospital, sama ada untuk temujanji ataupun kerana kecemasan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Tempat letak kereta adalah satu kemudahan yang sangat mustahak dalam perancangan pengangkutan dan trafik. Penyediaan kemudahan tempat letak kereta yang baik dan sistematik adalah satu cara untuk mengawal aliran trafik di samping dapat memberi kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi kepada pengguna kereta yang mengunjungi pusat bandar. Tempat letak kereta juga mempengaruhi kemajuan aktiviti-aktiviti guna tanah lain di pusat bandar. Penyediaan yang tidak mencukupi akan menyebabkan aktiviti-aktiviti bandar tidak dapat berkembang dengan baik. Secara umum, tempat letak kereta boleh dikatakan sebagai kemudahan yang menyokong fungsi sesebuah bandar. Tetapi penyediaan tempat letak kereta yang berlebihan di bandar-bandar besar akan menggalkkan lebih ramai penduduk membuat perjalanan ke bandar menggunakan kenderaan persendirian yang boleh menjejaskan kualiti persekitaran bandar, terutama sekali dari segi pencemaran udara, visual intrusion, keselamatan pejalan kaki, kesesakan trafik dan sebagainya.

Penyediaan tempat letak kereta mesti sesuai dengan aktiviti gunatanah dan kawalan had ketinggian bangunan serta keluasan sesuatu kawasan pembangunan. Perancangan perlu menepati keperluan dan kepentingan semua pengguna mengikut jenis pembangunan melalui penyediaan reka bentuk dan susun atur yang seragam, selamat dan selesa secara terancang dan mencukupi bagi semua jenis tempat letak kenderaan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Apabila tahap pemilikan kenderaan dan penggunaan kenderaan bertambah dikalangan penduduk,terutama penduduk bandar di Malaysia,timbul beberapa masalah yang berkaitan dengna tempat letak kereta di bandar-bandar iaitu ketidakcukupan tempat letak kereta serta penawaran tempat letak kereta tidak menepati permintaan dari segi kawasan perletakan dan sebagainya. Keadaan ini menjadi semakin rumit untuk diselesaikan disebabkan tidak ada keseragaman piawaian yang digunapakai oleh bandar-bandar Semenanjung Malaysia sehingga menimbulkan masalah kepada pemaju hartanah dalam usaha menyediakan ruang letak kereta. Walaupun terdapat Pihak Berkuasa Tempatan yang menggunakan piawaian untuk tempat letak kereta bagi kawasan pentadbirannya tetapi kebanyakannya merupakan piawaian yang telah diubah suai dari piawaian luar negara tanpa membuat kajian saintifik dan terperinci sehingga menimbulkan banyak masalah dari segi permintaan dan penawaran.

Antara masalah tersebut ialah orang ramai sukar untuk mencari tempat letak kereta dan berlakunya illegal parking,terlalu banyak kenderaan yang berlegar mencari ruang letak kenderaan sehingga mengganggu keselesaan orang awam,terutamanya pejalan kaki di pusat bandar dan sebagainya.

Disamping itu,ramai orang awam terpaksa meletakkan kenderaan mereka di tepi jalan utama hospital hanya untuk berjumpa dengan doktor selama beberapa minit dan menyebabkan kesesakan jalan. Situasi ini terpaksa dialami oleh orang ramai yang berurusan di beberapa hospital di sekitar Lembah Klang iaitu kekurangan tempat meletakkan kenderaan.



## **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah yang menjadi punca berlakunya kekurangan tempat letak kereta di Hospital Shah Alam. Dengan itu terdapat dua objektif utama yang berkaitan dengan kajian ini iaitu :

1.4.1 Mengenal pasti susun atur tempat letak kereta/reka bentuk dan keperluan tempat letak kereta.

1.4.2 Mengkaji tahap kepuasan pengguna parking kereta di Hospital.

## **1.5 Skop Kajian**

Skop atau had pelaksanaan (limitasi) perlu dibuat bagi memastikan kajian tidak tersilap dari skop yang telah ditetapkan. Skop kami tertumpu kepada industri yang mengeluarkan cecair effluens yang terhasil daripada bahan yang mampu mengubah taraf ph air dan kekeruhan air . Oleh itu , kilang batik telah menjadi pilihan yang paling sesuai untuk kajian dan percubaan untuk menghasilkan projek kami . Namun begitu , kami percaya bahawa penapis kami ini mampu untuk digunakan dalam industri lain yang mengeluarkan sisa effluens yang akan dilepaskan ke sungai.

## **1.6 Persoalan Kajian**

Effluens dan bahan kimia yang terhasil daripada pembuatan Batik adalah seperti rozin, lilin dan pewarna tiruan. Penggunaan rozin berbentuk kristal adalah sebanyak 60%, lilin sebanyak 40% dan 0.25 liter pewarna bagi setiap 50 helai batik yang dihasilkan. Effluens yang terhasil adalah dalam bentuk cecair pekat, berminyak dan pepejal nipis dari lilin.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian mendapati bahawa secara puratanya sejumlah 8360 jam daripada 8760 jam dalam setahun, sebuah kereta berada dalam keadaan “berhenti” (John Brierry, 1972). Kira-kira 95% daripada hayat kenderaan bermotor bukan dalam keadaan bergerak tetapi dalam keadaan “berhenti”. (Harry Dupree, 1987). Keadaan ini menyebabkan perlunya tempat-tempat khas disediakan untuk menempatkan kenderaan-kenderaan yang berada dalam keadaan “berhenti”. Keperluan ini ketara kerana pertambahan bilangan kenderaan sentiasa berlaku dan dengan kadar yang tinggi.

Perkembangan ekonomi yang baik di sesebuah bandar memberi peluang kepada peningkatan pendapatan isi rumah, sekaligus meningkatkan kemampuan penduduk untuk memiliki dan menggunakan kenderaan terutama untuk perjalanan ke tempat kerja. Kepesetan ekonomi juga menggalakkan pembangunan ruang lantai perniagaan dan pejabat secara besar-besaran di pusat bandar yang akhirnya menarik trafik yang tinggi dan meningkatkan keperluan ruang letak kereta

## 1.8 Rumusan

Kesimpulannya, sejak akhir-akhir ini, kekurangan ruang letak kereta menjadi masalah utama. Pihak pengurusan hospital terpaksa mengkhususkan ruang letak kereta kakitangan kepada perawat pada waktu pagi hingga tengah hari. Pegawai serta kakitangan yang tinggal di luar kuarters dibenarkan meletak kenderaan di bahu jalan dalam kawasan dan luar pagar hospital. Kekurangan tempat letak kereta di hospital ini pernah dialami Hospital Kuala Lumpur (HKL) dalam tempoh agak lama dan sering menyusahkan pengguna apabila kenderaan mereka ditarik pihak berkuasa tempatan atau disaman polis trafik. Akhirnya masalah kekurangan tempat letak kenderaan di HKL berjaya diatasi dengan terbinanya tempat letak kenderaan tujuh tingkat di hospital pada 2015. Pengguna bersedia membayar caj untuk kemudahan itu, tetapi tidak kepada saman yang dikenakan serta upah tarik kenderaan oleh pihak berkuasa. Justeru, sudah tiba masanya Kementerian Kesihatan Malaysia memikirkan kemudahan berkenaan di semua hospital kerajaan di seluruh negara. Bagaimanapun, tumpuan terpaksa diberikan kepada hospital di sekitar Lembah Klang kerana dijadikan pusat rawatan beberapa penyakit kronik, menyebabkan ia menjadi tumpuan. Susunan yang tepat untuk menapis sisa effluens dan seterusnya mematuhi piawaian yang telah menjadi garis panduan daripada Jabatan Alam Sekitar .

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Setelah mengenalpasti masalah kepentingan, objektif, skop dan kaedah kajian, kajian literatur akan dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan langkah seterusnya dapat dilaksanakan. Dalam bab ini akan membincangkan tentang isu-isu semasa yang berkaitan dengan tempat letak kereta. Isu-isu semasa ini amat penting untuk diketahui dan difahami sebelum penerangan yang lebih terperinci mengenai tempat letak kereta. Setelah kajian literatur dibuat, barulah borang selidik dapat disediakan dan diedarkan. Hasil kajian selidik ini akan dibincangkan di dalam bab yang seterusnya.

#### **2.2 Isu-Isu Semasa**

- i. Pengamatan di kawasan pusat bandar besar menunjukkan berlakunya keadaan lebih penawaran tempat letak kereta yang disediakan berdasarkan piawaian semasa, khususnya berkaitan dengan gunatanah perniagaan.
- ii. Kesukaran mendapatkan petak letak kereta sebenarnya disebabkan lebih tempat letak kereta sehingga menggalakkan kemasukan kenderaan secara berlebihan ke kawasan pusat bandar dan mengakibatkan pelbagai masalah kesesakan trafik, kesukaran mencari petak kereta dan penurunan kualiti persekitaran bandar.
- iii. Piawaian perancangan tempat letak kereta sedia ada telah memberikan ruang fleksibiliti kepada Pihak Berkuasa Tempatan tetapi tidak menggariskan panduan yang jelas dari segi interpretasi pihak perancangan berkenaan dalam memperincikan piawaian tersebut mengikut ciri-ciri khusus tempatan.

- iv. Piawaian sedia ada didapati tidak mempertimbangkan penggunaan pengangkutan awam dalam bandar dan tidak diorientasikan ke arah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.
- v. Keadaan semasa menunjukkan tidak wujud pengurusan dan penyelarasan tempat letak kereta sedia ada mahu pun yang sedang dirancang. Salah satu faktor kekurangan tempat letak kereta di bandar adalah ialah susunatur petak kenderaan yang tidak optimum, misalnya tiada percampuran petak kenderaan yang pelbagai saiz, perletakan petak kenderaan yang jauh dari destinasi dan susunatur petak yang tidak berkesan.
- vi. Pengurusan penggunaan petak kenderaan yang tidak berkesan, khususnya dari segi keperluan rekabentuk yang berbeza dalam penggunaan petak kenderaan jangka pendek dan jangka panjang serta dari segi kekerapan sesuatu petak kenderaan digunakan. Ini menyebabkan sesetengah kemudahan letak kenderaan mengalami kesesakan yang serius manakala kemudahan letak kenderaan lain mengalami kadar penggunaan yang jauh di bawah paras kapasiti.

### **2.3 Maksud Tempat Letak Kereta**

Tempat letak kenderaan didefinisikan sebagai ruang terancang yang meliputi petak atau lot letak kenderaan, laluan kenderaan driveway, laluan pelican crossing bagi OKU, siar kaki dan kawasan lanskap, landas ramp, ruang lobi serta tangga ke atau dari tempat letak kenderaan.

## 2.4 Reka bentuk dan ciri-ciri tempat letak kereta bergantung pada 5 kategori, iaitu :

### i. Tempat Letak Kereta Pinggir Jalan (On-Street Parking)



**Rajah 1 : Tempat letak kereta pinggir jalan**

Penyediaan tempat letak kereta pinggir jalan sangat popular di pusat-pusat bandar disebabkan tekanan nilai tanah yang tinggi, dan juga kesukaran untuk mendapatkan tanah-tanah kosong untuk dijadikan kawasan letak kereta luar jalan. Oleh kerana setiap kawasan di pusat bandar digunakan untuk pembangunan guna tanah lain, penyediaan tempat letak kereta tertumpu di tepi-tepi jalan. (Gordon Wills, 1979)

### ii. Tempat Letak Kereta Luar Jalan (Off-Street Parking)



**Rajah 2 : Tempat Letak Kereta Luar Jalan**

Penyediaan tempat letak kereta luar jalan (Off-Street Parking) sebahagian besarnya disediakan dalam bentuk tetap di kawasan terbuka contohnya seperti di kawasan pusat bandar, kompleks pejabat, kawasan rehat dan rawat (park and ride), dan perumahan pangsapuri.

iii. Tempat Letak Kereta Bawah Tanah (basement)



**Rajah 3 : Tempat Letak Kereta Bawah Tanah**

Tempat letak kereta jenis ini boleh disediakan di bahagian bawah bangunan hotel, pusat membeli-belah, di bawah jalan raya, taman awam atau pusat komuniti. Bayaran yang dikenakan di tempat-tempat letak kereta jenis ini adalah lebih tinggi berbanding dengan tempat letak kereta jenis lain.

iv. Tempat Letak Kereta Atas Bumbung



**Rajah 4 : Tempat letak Kereta Atas Bumbung**

Tempat letak kenderaan jenis ini merupakan salah satu penyelesaian terdekat kepada masalah penyediaan kemudahan itu di kawasan tepubina bandar. Walaupun kos untuk kerja-kerja struktur agak tinggi, penjimatan yang diperolehi tanpa pengambilan tanah boleh menampung kos tersebut.

v. Tempat Letak Kereta Permukaan



**Rajah 5 : Tempat Letak Kereta Permukaan**

Tempat letak kereta permukaan merupakan satu kawasan lapang yang dijadikan tempat meletak kereta atau satu kawasan letak kereta yang besar dengan reka bentuk dan susun atur yang baik, mengelilingi satu pusat membeli-belah dan meliputi kawasan tiga kali ganda kawasan pusat membeli-belah itu sendiri (John Brierly, 1972). Ia sesuai dijadikan di pinggir bandar kerana nilai tanahnya lebih rendah berbanding pusat bandar dan kebanyakannya diuruskan dengan menggunakan sistem bayaran (fee-charging system) yang memerlukan attendan atau mesin menjual tiket (ticket vending machine) atau menggunakan meter letak kereta.



vi. Tempat Letak Kereta Mekanikal



**Rajah 6 : Tempat Letak Kereta Mekanikal**

Tempat letak kereta jenis ini digunakan di tempat-tempat letak kereta bertingkat. Kereta dibawa ke atendan bertugas (reception boy) di mana terdapat stacking device dan diangkat secara automatik lalu bergerak ke tepi ruang kosong yang ditentukan. Kereta akan dikeluarkan juga secara mekanikal apabila dikehendaki. Kelemahan utama sistem ini adalah kemungkinan kerosakan sistem mekanikal dan kegagalan mengeluarkan kereta dengan apabila diperlukan.

vii. Tempat Letak Kereta Bertingkat



**Rajah 7 : Tempat Letak Kereta Bertingkat**

Tempat letak kereta bertingkat pula direka dengan kapasiti yang dapat menampung bilangan optimum kenderaan antara 500 hingga 750 buah kenderaan (John Brierly, 1972). Tempat letak kereta jenis ini sesuai disediakan dibangunan kompleks pejabat, kondominium, hospital, institusi dan kawasan kawalan had ketinggian bangunan.

## 2.5 Bentuk-Bentuk Penyediaan Tempat Letak Kereta

### i. Bentuk Tempat Letak Kereta Tetap :

Tempat letak kereta tetap banyak terdapat di kawasan-kawasan perumahan, pusat membeli-belah dan sebagainya memandangkan jenis guna tanah tersebut mempunyai ramai pengunjung, pekerja dan pengguna lain yang kebanyakan mempunyai kenderaan bermotor dan menggunakan tempat letak kereta secara tetap. Ia biasanya disediakan dalam jumlah yang besar sama ada di kawasan terbuka dengan lot-lot tetap dan tersusun, di dalam bangunan bertingkat atau di “basement” (basement parking). Kebanyakannya diuruskan oleh pihak swasta dengan mengenakan caj tertentu. Walaubagaimanapun, ia boleh juga disediakan dalam kuantiti kecil iaitu di pinggir-pinggir jalan dengan menggunakan sistem tiket dan dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

### ii. Tempat Letak Kereta Sementara.

Tempat letak kereta sementara disediakan untuk kawasan tanpa aktiviti kekal seperti tempat pertunjukan terbuka, stadium (untuk waktu-waktu tertentu) dan sebagainya memandangkan ia tidak ekonomik dari segi penggunaan untuk penyediaan tempat letak kereta tetap. Bagaimanapun, terdapat juga tempat letak kereta sementara disediakan di atas tapak pembangunan komited (committed development) di sekitar kawasan aktiviti tetap seperti kawasan pejabat atau pusat perdagangan. Tempat letak kereta seumpama ini lazimnya disediakan di kawasan terbuka dalam saiz yang besar, tanpa lot-lot tetap. Penggunaannya bergantung kepada saiz ruang yang disediakan dan perletakan kereta adalah berdasarkan ruang-ruang kosong.

## 2.5 Ciri-ciri Khas Petak Parkir

### i. Parkir Kotak Merah/ Petak Khas:



Rajah 1 : Parkir Kotak Merah/Petak Khas



Rajah 2 : Parkir Sewaan Khas

Petak khas adalah petak letak kereta yang dikhaskan kegunaannya kepada orang, kereta atau kenderaan tertentu dengan bayaran dan petak letak kereta ini ditandakan mengikut cara yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran. Petak letak kereta khas di hadapan premis diberi kepada hospital/klinik, kedai aksesori, hotel, bengkel kereta dan peniaga.

Untuk harga bagi petak khas dibawah MBPJ, yuran bulanan yang dikenakan adalah RM400 bagi premis makanan dan kedai biasa manakala RM200 sebulan bagi kegunaan bengkel.

ii. Tempat Letak Kereta Wanita



Rajah 3 : Tempat Letak Kereta Wanita



Rajah 4 : Tempat Letak Kereta Wanita

Ia dicipta untuk pemandu wanita yang bersendirian. Ia adalah untuk keselamatan dan kemudahan tempat letak kereta. Ruang letak kereta berhampiran dengan pintu masuk lif dan eskalator. Terdapat juga pengawal keselamatan tambahan untuk keselamatan tambahan. Kawasan ini diterangi dengan terang untuk memastikan keselesaan dan keselamatan. Biasanya, kawasan parkir khas itu dipantau sama ada pengawal atau kamera keselamatan. Walaupun ciri tambahan telah ditambahkan pada kemudahan ini, caj tempat letak kereta tetap sama.

iii. Petak parkir khas untuk OKU




Rajah 5 : Petak parkir khas untuk OKU

Petak parkir berwarna biru dan mempunyai logo/ lambang OKU secara jelas dibina khas untuk pemandu OKU Fizikal. Perasan atau tidak, kotak yang dikhaskan untuk golongan OKU ini mempunyai ruang petak yang lebih besar. Ini direka bagi memuatkan kerusi roda pemandu itu.

Siapa boleh guna petak parkir OKU?

- Pemandu yang ada kad OKU (JKM)
- Pemegang lesen memandu OKU (JPJ)
- Kenderaan berdaftar untuk kegunaan OKU (JPJ)
- Kenderaan yang miliki pelekat OKU di cermin keretanya

## 2.6 Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kendaraan

ELEMEN	(1) TLK KERETA
(a) Susun atur reka bentuk	<p>i. Bergantung pada kesesuaian mengikut hierarki jalan sama ada di jalan tempatan (<i>local distributor</i>) atau jalan akses (<i>access road</i>).</p> <p>ii. Tidak dibenarkan di Jalan Pengagih Utama (<i>Primary Distributor</i>) dan Pengagih Daerah (<i>District Distributor</i>).</p> <p>iii. Tiga (3) jenis susun atur sesuai, iaitu:</p> <p>Rajah 1 : Contoh susun atur TLK</p>  <p>The diagram illustrates three parking configurations:         <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Bersudut tegak (right-angle parking):</b> Shows cars parked perpendicular to the road edge.</li> <li><b>Selari (parallel parking):</b> Shows cars parked parallel to the road edge.</li> <li><b>Bersudut 30°/45°/60° (herring bone parking):</b> Shows cars parked at an angle to the road edge.</li> </ul> </p>

## **2.7 Tujuan Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan**

Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (GPP TLK) ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan (PBPT), agensi teknikal dan pihak-pihak yang terlibat dalam merancang, mengawal dan membangun Kawasan, khususnya keperluan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (TLK) semasa penyediaan pelan-pelan pembangunan dan pertimbangan terhadap permohonan kebenaran merancang.

Objektif Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (GPP TLK) ini adalah untuk :

- i. Memastikan setiap pembangunan menyediakan TLK yang mencukupi, selesa dan selamat.
- ii. Menentukan penyediaan kawasan TLK dengan susun atur dan reka bentuk yang terancang, lengkap dan bersistematik untuk memenuhi keperluan pengguna dan kawasan pembangunan.

## **BAB 3**

### **KAEDAH METADOLOGI**

#### **3.1 Pengenalan**

Metadologi akan menerangkan proses pengumpulan data kajian dan kaedah pengumpulan data yang digunakann bagi mencapai objektif kajian. Terdapat pelbagai kaedah yang digunakan untuk mengumpul maklumat seperti soal selidik,temu bual,rujukan daripada sumber internet dan sebagainya. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan Teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi ialah untuk membantu memahami dengan lebih luas atau lebih terperinci lagi tentang kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian.




### **3.2 Reka Bentuk Kajian.**


Sebelum kajian ini dijalankan, kawasan kajian juga turut dikenalpasti untuk menjalankan kajian ini. Selain itu, kepentingan kajian telah ditetapkan untuk mencadangkan penambahan tempat letak kereta bertingkat bagi mengatasi masalah tempat letak kereta di hospital.

### 3.3 Carta Alir

**CARTA 3.1: PERINGKAT PERTAMA PELAKSANAAN PROJEK KAJIAN**



**CARTA 3.2: PERINGKAT KEDUA PELAKSANAAN PROJEK KAJIAN**



### 3.4 Kumpulan Sasaran

Kajian Kepuasan Pelanggan ini mensasarkan orang awam yang datang ke hospital atau pesakit-pesakit yang mendapatkan rawatan di Hospital Shah Alam.

Orang awam akan dimaklumkan dahulu berkenaan tujuan kajian ini dijalankan dan dibekalkan dengan lampiran Borang Soal Selidik bagi memberi maklumat yang lebih terperinci berkenaan kajian.


### 3.5 Kaedah Soal Selidik

Kajian ini telah mengguna pakai borang soal selidik yang menggunakan Google form yang mengandungi dua bahagian iaitu :

- a) Bahagian A : Latar Belakang Responden
- b) Bahagian B : Mengkaji tahap kepuasan hati terhadap kemudahan fasiliti parkir

Tahap kepuasan pelanggan dinilai berpandukan Skala Likert seperti berikut:

Tahap kepuasan pelanggan dinilai berpandukan Skala Likert seperti berikut:



Pesakit dikehendaki menjawab sendiri ataupun menggunakan khidmat waris yang menemani pesakit (sekiranya pesakit tidak boleh membaca atau menulis).

### **3.6 Kaedah Pengumpulan Data**

Pengumpulan data adalah proses penyelidikan dan proses mengemaskini maklumat yang dikumpul dari kajian. Antara cara yang digunakan untuk mnegumpul data dan maklumat ialah :

#### **1. Perbincangan bersama penyelia**

Perjumpaan dan perbincangan bersama penyelia diadakan pada setiap minggu bagi memperoleh idea tentang kajian kami dengan membuat pembacaan buku-buku rujukan,

#### **2. Melayari internet**

Kami juga memanfaatkan penggunaan internet untuk mendapatkan maklumat dari laman sesawang yang berkaitan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan.

### **3.7 Rumusan**

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai metodologi kajian yang tersendiri mengikut jenis kajian yang dilakukan. Selain itu, metodologi kajian yang digunakan bersesuaian dengan objektif tajuk projek kami. Ia merupakan satu perkara yang amat penting dalam melakukan sesuatu penyelidikan bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan berkualiti. Dengan adanya metodologi kajian, kajian yang kami akan dilakukan akan lebih teratur dan akan mendapatkan hasil yang kajian yang lebih baik. Metodologi kajian juga boleh dianggap sebagai perancangan awal kearah pembentukan sesuatu kajian itu akan dibawa sama ada kearah kejayaan atau sebaliknya.

Hasil yang akan diperoleh juga bergantung kepada pemilihan metodologi kajian. Setelah diteliti semua aspek yang berkaitan dengan tajuk kajian, kami dapat menentukan dan memilih metodologi kajian yang sesuai dengan tajuk kajian yang telah di pilih. Selain itu, metodologi kajian merupakan cara bagaimana kami mendapat maklumat, bahan, sumber rujukan dan data berkaitan dengan kajian tempat letak kereta. Selain itu, responden dan tempat kajian yang dipilih memudahkan kajian dijalankan dan selaras dengan apa yang ingin dikaji. Pemilihan metodologi kajian dan responden yang terlibat adalah sangat penting kerana kedua-duanya merupakan faktor utama dalam menentukan keberhasilan kajian ini. Dalam sesuatu kajian, bahan yang paling penting adalah data kajian. Oleh itu, data kajian yang dikaji oleh kami akan menghasilkan sebuah kajian berkaitan dengan tempat letak kereta. Semua data kajian yang diperoleh akan dianalisis dan dibincangkan oleh kami dalam bab seterusnya iaitu bab 4.

## BAB 4

### HASIL DAPATAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan mengenai analisis dan juga hasil dapatan yang telah diperolehi setelah kami membuat kajian di Hospital Shah Alam. Data yang diperolehi dicatat supaya kami dapat membaiki data kami supaya dapat memberikan hasil data yang lebih baik untuk kami gunakan. Data yang kami ambil ini adalah melalui Google Form.

#### 4.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kualitatif dilaksanakan menggunakan borang soal selidik dalam talian melalui platform Google Form.


#### 4.3 PENGUMPULAN DATA

Lokasi Kajian : Hospital Shah Alam

Bilangan soal selidik yang berjaya dikumpul	17 responden
Golongan sasaran	Orang awam/pesakit
Tempoh masa	19 Mac 2023 & 30 April 2023

#### 4.4 KAEDAH KUALITATIF

Kaedah kualitatif dijalankan menggunakan kaedah tinjauan iaitu pemeriksaan di kawasan kajian iaitu di Hospital Shah Alam untuk memperoleh maklumat masalah parkir kereta di kawasan kajian.



Kawasan kajian di Hospital Shah Alam



#### 4.5 Tinjauan Ke Kawasan Kajian



Tempat letak kereta bagi orang awam di Hospital Shah Alam



Tempat letak kereta bagi kakitangan di Hospital Shah Alam

#### **4.6 Bahagian A : Sosiodemografi Responden**

Di Hospital Shah Alam, seramai 17 orang pesakit atau orang awam telah datang ke hospital telah memberikan maklumbalas bagi soal selidik yang dijalankan, Responden lelaki mencatat peratusan melebihi responden perempuan dengan peratusan masing-masing adalah sejumlah 52.9% dan 47.1%. Responden dalam kumpulan umur terbesar adalah mereka yang berumur 30-39 tahun (29.4%) dan 40-49 tahun (29.4%). Sejumlah 41.2% responden datang ke hospital sebanyak satu minggu sekali. Selain itu, majoriti waktu responden hadir ke hospital adalah pada jam 8:00 a.m. – 9:00 a.m. dan pada 10:00 a.m. – 11:00 a.m. Jadual 1 menunjukkan taburan sosiodemografi bagi semua responden kajian.


Pembolehubah		Peratus (%)
Jantina	Lelaki	52.9%
	Perempuan	47.1%
Kategori umur	21 – 29 tahun	17.6%
	30 – 39 tahun	29.4%
	40 – 49 tahun	29.4%
	50 tahun dan ke atas	23.5%
Kekerapan datang ke hospital	Satu minggu sekali	41.2%
	Dua minggu sekali	17.6%
	Satu bulan sekali	35.3%
	Tiga kali seminggu	5.9%
Waktu hadir ke hospital	8:00 a.m. – 9:00 a.m.	23.5%
	9:00 a.m. – 10:00 a.m.	17.6%
	10:00 a.m. – 11:00 a.m.	23.5%
	11:00 a.m. – 12:00 p.m.	11.8%
	3:00 p.m. – 4:00 p.m.	17.6%
	4:00 p.m. – 5:00 p.m.	6%
Tujuan datang ke hospital	Mendapatkan rawatan	23.5%
	Melawat pesakit	23.5%
	Mengambil ubat	29.4%
	Menghantar pesakit untuk temu janji	23.5%
Masa yang diambil untuk mendapatkan parkir	1 minit – 10 minit	41.2%
	10 minit -20minit	41.2%
	20 minit dan ke atas	17.6%

#### 4.7 Bahagian B : Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Kemudahan Fasilitas Parkir

Rajah 1 menunjukkan taburan responden kajian bagi soalan pertama yang diterima di Hospital Shah Alam. 35.3% adalah sangat setuju, 23.5% setuju, 23.5% tidak setuju dan 17.6% sangat tidak setuju.

Jumlah bilangan lot parkir yang disediakan bagi kereta adalah mencukupi :  
17 responses

 Copy




**Rajah 1 : Peratusan Responden Yang Mendapat Parkir**

Rajah 2 menunjukkan taburan responden kajian bagi soalan kedua yang diterima di Hospital Shah Alam. 35.3% setuju, 29.4% tidak setuju, 17.6% adalah sangat setuju dan sangat tidak setuju.

Saya mudah untuk mendapatkan parkir :  
17 responses

 Copy




**Rajah 2 : Peratusan Responden Yang Mudah Mendapatkan Parkir**

Rajah 3 menunjukkan taburan responden kajian bagi soalan ketiga yang diterima di Hospital Shah Alam. 35.3% setuju, 29.4% adalah bagi sangat setuju dan tidak setuju dan selebihnya ialah sangat tidak setuju.



**Rajah 3 : Peratusan Responden Mengikut Kepuasan Hati Bagi Parkir Yang Disediakan.**

Rajah 4 menunjukkan taburan responden kajian bagi soalan keempat yang diterima di Hospital Shah Alam. 35.3% sangat tidak setuju, 29.4% setuju, 23.5% sangat setuju dan 11.8% adalah tidak setuju.




**Rajah 4 : Peratusan Responden Yang Tidak Mendapat Parkir**

Rajah 5 menunjukkan taburan responden kajian bagi soalan kelima yang diterima di Hospital Shah Alam. 35.3% tidak setuju. 29.4% setuju, 23.5% sangat setuju dan 11.8% sangat tidak setuju.

Saya sukar untuk mendapatkan parkir :

 Copy

17 responses




**Rajah 5 : Peratusan Responden Yang Sukar Mendapatkan Parkir**

Rajah 6 menunjukkan taburan responden kajian bagi soalan keenam yang diterima di Hospital Shah Alam. 35.3% sangat tidak setuju, 29.4% tidak setuju, 23.5% setuju dan 11.8% sangat setuju.

Saya tidak berpuas hati dengan parkir yang disediakan :

 Copy

17 responses



**Rajah 6 : Peratusan Responden Yang Tidak Berpuas Hati Dengan Parkir Yang Disediakan**

## **BAB 5**

### **CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Tempat letak kereta adalah tindakan berhenti dan menyekat kenderaan dan membiarkannya kosong. Tempat letak kereta di satu atau kedua-dua belah jalan sering dibenarkan, walaupun kadang-kadang dengan sekatan. Kemudahan tempat letak kereta dibina dengan gabungan beberapa bangunan, untuk memudahkan pengguna bangunan dan pengguna datang.

Selain itu, tempat letak kereta adalah ruang yang disediakan secara terancang sebagai tempat untuk meletak kereta ataupun kenderaan-kenderaan lain. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan ini turut mengambilkira piawaian perancangan tempat meletak kenderaan lain seperti lori, bas, motosikal, basikal, beca dan kenderaan orang upaya.

#### **5.2 Cadangan**

1. Menaik taraf fasiliti dan kemudahan sedia ada mengikut kesesuaian unit dan hospital.
2. Membuat pemeriksaan ke atas kawasan tempat letak kereta yang diperlukan.
3. Pihak yang bertanggungjawab perlu menjalankan tinjauan tempat letak kereta mengikut klasifikasi hospital.

### **5.3 Kesimpulan**

Kesimpulannya, tahap kepuasan pelanggan yang merespon soal selidik di Hospital Shah Alam adalah amat baik. Namun begitu,fasiliti dan kemudahan yang disediakan boleh dinaiktarafkan. Secara keseluruhan,kajian ini telah mencapai objektif iaitu mengkaji tahap kepuasan pengguna parkir di hospital. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang bertanggungjawab dalam mengenalpasti punca dan faktor yang menyumbang kepada tahap kepuasan pelanggan dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

### **5.4 RUMUSAN BAB**

Secara keseluruhan,kajian ini telah mencapai objektif iaitu mengkaji tahap kepuasan pengguna parkir di hospital. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang bertanggungjawab dalam mengenalpasti punca dan faktor yang menyumbang kepada tahap kepuasan pelanggan dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.



## RUJUKAN

1. NAZREEN-IREEN-SHAH-KAMARUL.pdf
2. HUS2016.pdf
3. 2000\_5 GP & PP Tempat Letak Kereta.pdf
4. MUHDNOORAWANG(2003),ANALISIS PENYEDIAAN TEMPAT LETAK KERETA MENGGUKUT JENIS GUNATANAH BANDAR-BANDAR DI MALAYSIA.docplayer.net
5. <https://afiezahinnisa.wordpress.com/2015/05/11/bab-3-metodologi-kajian/>
6. [https://bjak.my/blog/petar-parkir-kenderaan/#Parkir\\_khas\\_untuk\\_wanita](https://bjak.my/blog/petar-parkir-kenderaan/#Parkir_khas_untuk_wanita)
7. <https://www.carlist.my/news/kenali-parking-kotak-merah-petak-khas-undang-undang-yang-perlu-anda-tahu-83938/83938/>
8. <https://www.scribd.com/document/64582323/BAB-2-kajian-literatur>



## LAMPIRAN B

GANTT CHART KAJIAN 2								
BIL	PERKARA \ 	FEBRUARY			MARCH			
		M1	M2	M3	M1	M2	M3	M4
1	Taklimat fyp 2							
2	Taklimat isolm							
3	Memulakan penyediaan soal selidik							
4	Memasukkan semua soalan dalam borang soal selidik							
5	Membuat perancangan ke tempat kajian							
6	Kajian analisi di hospital shah alam							
7	Kajian analisi di hospital sungai buloh							